



**JABATAN PELESENAN**  
**DEWAN BANDARAN MyPEC**

**GARIS PANDUAN LOKASI BAGI PERMOHONAN LESEN**

**1. COFFEE HOUSE, PUB DAN RESTORAN, BAR KELAB MALAM, DISKO (TERMASUK DANGDUT) KARAOKE, LOUNGE (ISTIRAHAT), PUSAT HIBURAN SEKELUARGA, SNUKER DAN KELAB PERSENDIRIAN**

- 1.1 Pentadbiran Dewan Bandaraya MyPEC telah bersetuju berkuatkuasa daripada 1 Disember 1996 untuk tidak lagi menerima dan mempertimbangkan permohonan baru lesen perniagaan dan hiburan bagi jenis perniagaan tersebut di atas yang lokasi perniagaannya terletak di tempat-tempat seperti berikut: -
- 1.1.1 Rumah kediaman atau banglo lama dan baru.
  - 1.1.2 Rumah kedai, bangunan dan kompleks perdagangan (membeli-belah) yang terletak dalam taman perumahan atau yang terletak berhampiran dan dalam kompleks kediaman (apartment dan sebagainya).
  - 1.1.3 Rumah kedai di tingkat 2 dan ke atas.
  - 1.1.4 Berhampiran sekolah, hospital, institusi pengajian dan rumah ibadat.
- 1.2 Permohonan lesen bagi jenis perniagaan tersebut di atas hanya akan diterima untuk diproses dan akan diberi pertimbangan mengikut kesesuaian jika lokasinya seperti berikut: -
- 1.2.1 Kompleks perdagangan dan Hotel Kelas 1 (3, 4, 5 bintang)
  - 1.2.2 Rumah kedai di tingkat bawah dan satu sahaja dalam pusat bandar (bukan di taman perumahan).
  - 1.2.3 Rumah kedai, bangunan dan kompleks perdagangan (membeli-belah) yang menghadap ke jalan utama arah keluar bandar tetapi jauh daripada rumah dan kompleks kediaman seperti di bahagian-bahagian tertentu Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Jalan Kelang Lama, Jalan Kuchai Lama dan lain-lain.

## 2. MEJA 'POOL', BILLIARD DAN MEJA BOLA SEPAK

Permohonan lesen hiburan permainan meja 'pool', billiard dan bola sepak yang ditempatkan dalam coffee house, bar, pub dan restoran akan diterima untuk diproses untuk diproses jika mematuhi perkara-perkara berikut :-

- 2.1.1 Premis sudah mempunyai lesen perniagaan.
- 2.1.2 Premis mempunyai lesen hiburan untuk aktiviti muzik dari nyanyian sahaja. **Pusat hiburan yang menjalankan aktiviti tari menari dan muzik secara langsung (Live) tidak dibenarkan.**
- 2.1.3 Mempunyai bilik khas atau di tingkat berasingan bagi menempatkan permainan tersebut.

## 3. PETI MUZIK (JUKE BOX)

3.1 Permohonan lesen hiburan peti muzik (juke box) akan diterima untuk diproses jika mematuhi perkara-perkara berikut:-

- 3.1.1 Premis sudah mempunyai lesen perniagaan.
- 3.1.2 Ditempatkan dalam premis yang menjalankan perniagaan restoran, kafe dan coffee house sahaja. **Tidak dibenarkan ditempatkan dalam pusat hiburan permainan, snuker dan sebagainya.**

## 4. PUSAT HIBURAN SEKELUARGA

4.1 Bagi jenis perniagaan ini, permohonan lesen hanya akan diterima untuk diproses dan akan diberi pertimbangan mengikut kesesuaian jika mematuhi syarat-syarat seperti para 1 dan syarat-syarat tambahan berikut:-

- 4.1.1 Lokasi perniagaan terletak di kompleks perdagangan (membeli-belah) termasuk di taman perumahan.
- 4.1.2 Keluasan premis yang hendak digunakan hendaklah tidak kurang daripada 3000 kaki persegi (278 meter persegi).
- 4.1.3 Meja permainan snuker, billiard, dan meja 'pool' tidak dibenarkan ditempatkan di sini.
- 4.1.4 Restoran atau kafe siber dibenarkan ditempatkan dalam pusat hiburan sekeluarga dengna syarat ia diasingkan daripada ruangan permainan dan tiada aktiviti memasak dijalankan.
- 4.1.5 Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dibenarkan masuk dengan pengawasan ibu bapa/ penjaga.

## 5. RUMAH URUT (SPA)

5.1 Permohonan lesen bagi jenis perniagaan ini **tidak akan diterima untuk diproses** jika lokasi perniagaannya terletak di premis seperti berikut:-

- 5.1.1 Rumah Kedai
- 5.1.2 Kompleks/ Bangunan Pejabat
- 5.1.3 Kompleks Perdagangan (Membeli-Belah)

(Pengecualian diberikan kepada rumah urut orang buta)

- 5.2 Permohonan lesen bagi jenis perniagaan ini hanya akan diterima untuk diproses dan akan diberi pertimbangan mengikut kesesuaian jika mematuhi syarat-syarat asas dan lokasinya di premis seperti berikut:-
  - 5.2.1 Hotel Kelas 1 (3, 4, 5 bintang).
  - 5.2.2 Aktiviti urut dijalankan mengikut konsep terbuka (bilik dengan satu katil tidak dibenarkan). Bagi tujuan keselesaan dibenarkan pemasangan kain langsir atau 'skrin' sehingga 2 meter dari paras lantai bagi memisahkan antara satu kati dengan yang lain.
  - 5.2.3 Mempunyai kemudahan seperti gymnasium, sauna, mandi wap dan lain-lain.
  - 5.2.4 Aktiviti hiburan muzik, nyanyian secara terus (live) dan permainan tidak dibenarkan.
  - 5.2.5 Aktiviti tayangan filem, jualan makanan dan minuman ringan, salun kecantikan dan gunting rambut adalah dibenarkan dengan syarat terletak berasingan dari ruangan urut mengurut, lesen tambahan perlu dipohon.
- 6. Permohonan lesen akan ditolak jika perniagaan dijalankan sebelum mendapat kelulusan.
- 7. Walaupun permohonan memenuhi syarat dan panduan seperti yang disebutkan, Dewan Bandaran MyPEC berhak atas sebab-sebab tertentu menolak sesuatu permohonan.

**Jabatan Pelesenan  
Dewan Bandaran MyPEC  
Mei 2009**

Tingkat 22, Menara Safuan,  
No. 80 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
No. Tel: 03-20723802  
No. Faks: 03-20723804